

Jelajah Ramadan 'Masih Ada Nur' 5 daerah

BH 26.07.2012 4

Kota Kinabalu: Memasyarakatkan mahasiswa dan memahasiswa masyarakat menjadi fokus penganjuran program Jelajah Ramadan 'Masih Ada Nur' anjuran Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) selama tujuh hari, bermula semalam.

Lima daerah akan dikunjungi sehingga 31 Julai ini, bermula di Kota Belud sebelum ke pantai timur yang merangkumi Beluran, Lahad Datu, Tawau sebelum berakhir di Menggatal.

Timbalan Pendaftar Kanan Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMS, Darwis Awang, berkata selain mengimarahkan Ramadan bersama masyarakat setempat, program turut menjadikan pendidikan sebagai agenda utama.

Sasar pelajar, masyarakat

"Sasaran utama ialah pelajar dan masyarakat. Rombongan MPP akan bersama pelajar mengadakan pelbagai aktiviti motivasi dalam mendekatkan mereka dengan universiti.

"Pada masa sama, rombongan MPP juga akan menyertai masyarakat setempat berbuka puasa dan menunai solat berjemaah termasuk tarawih, selain mengambil kesempata-



Khalil (tengah) bersama beberapa ahli jawatankuasa majlis bersedia mulakan program Jelajah Ramadan di pekarangan Anjung Siswa, Kampus UMS, di Kota Kinabalu, semalam.

[FOTO EDMUND SAMUNTING/BH]

tan menjelaskan kepada mereka mengenai program di universiti ke arah meningkatkan kesedaran pendidikan di luar bandar," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melancarkan program Jelajah Ramadan 'Masih Ada Nur' peringkat negeri anjuran MPUMS di pekarangan Anjung

Siswa UMS di sini, semalam.

Lapan ahli jawatankuasa MPPUMS termasuk Presiden-nya, Khalil Sabu, menyertai program jelajah berkenaan, selain lebih 100 mahasiswa UMS di lima lokasi, di samping alumni universiti berkenaan.

Lima sekolah yang akan dilawati ialah Sekolah Menen-

gah Kebangsaan (SMK) Pekan II, Kota Belud; SMK Beluran Bestari, Beluran; SMK Sepagar, Lahad Datu; SMK Kinabutan, Tawau; dan SMK Tebobon, Menggatal.

Khalil berkata, program ber-tujuan memberi pendedahan kepentingan pendidikan kepada penduduk luar bandar.